

Kerajaan jamin pembangunan mapan di luar bandar

BH - 7/9/2014: 2 per dan
KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pembangunan di negara ini dilaksanakan secara mapan dengan mengambil kira pelbagai keperluan dan faktor, termasuk pemuliharaan alam sekitar.

Perdana Menteri berkata, meskipun perkara itu tidak pernah dinyatakan sebagai pelaksanaan Agenda 21 yang dicapai dalam sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada 1992, kerajaan sentiasa memastikan pembangunan mapan di luar bandar dan kawasan baru di seluruh negara.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Kongres Pembangunan Bandar Sedunia (INTA 28) di sini, semalam.

Kongres lima hari sehingga Khamis ini yang disertai kira-kira 400 peserta dari 57 negara, membincangkan pelbagai isu berkaitan pembangunan dan kemajuan bandar dengan temanya 'Metropolitan: Penyatuan atau Kehancuran?'

Terdahulu, dalam ucapanannya Perdana Menteri berkata, Agenda 21 menggariskan prinsip pembangunan mapan bandar dan banyak negara menunjukkan komitmen melaksanakannya.

Katanya, pembangunan bandar kini bukan semata-mata berkaitan struktur fizikal, malah lebih berkaitan dengan manusia dengan meletakkan kepentingan terhadap nadi

atau karektor bandar itu.

Beliau berkata, program bagi mengurangkan kadar kemiskinan, memulihara alam sekitar, seni dan budaya mesti disepadukan dengan peruntukan terhadap keperluan bagi kemudahan.


Katanya, usaha menjadikan Malaysia negara maju melalui Wawasan 2020 juga bermakna negara mahu mencapai kemajuan dalam segala dimensi seperti ekonomi, sosial, budaya dan politik.

Selain menyumbang pengalaman Malaysia untuk dikongsi dengan peserta negara lain pada kongres ini, katanya, negara ini juga mahu mempelajari pengalaman negara lain seperti penggunaan teknologi dengan cara terbaik dalam mengurus perancangan bandar.

"Kita mahu membandingkan pendekatan yang berbeza dalam menangani kemiskinan, urus tadbir, pencegahan jenayah dan isu lain yang boleh digunakan di Malaysia," katanya.

Pada sidang medianya, Abdullah berkata, kerajaan akan terus berusaha menangani masalah setinggan di ibu kota meskipun menyedari sukar untuk mencapai sasaran setinggan sifar dalam masa terdekat.

Katanya, usaha memindahkan penduduk setinggan telah lama dilakukan tetapi masalah itu sukar diselesaikan kerana semakin ramai penduduk berhijrah dan tinggal di



ABDULLAH memukul gong bagi melancarkan INTA 28 sambil diperhatikan Presiden INTA, Mohamed Mbarki (kiri) dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek di Kuala Lumpur semalam. - Gambar oleh Abd Rahim Rahmat

kawasan setinggan di Kuala Lumpur.

Katanya, kerajaan tidak boleh membenarkan hanya sebahagian penduduk berhijrah ke ibu kota kerana Kuala Lumpur adalah untuk semua rakyat.

Beliau berkata, pekerja asing turut menyumbang kepada peningkatan setinggan di ibu kota.

Beliau juga mahukan penduduk Kuala Lumpur meningkatkan lagi

tahap kesedaran sivik seperti tidak membuang sampah merata-rata termasuk di tempat awam yang akan menjejaskan pemandangan kawasan berkenaan.

"Penduduk jangan kotorkan tempat itu, mentang-mentang ada DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) angkut sampah... jangan buang sampah (merata-rata), kebersihan perlu jaga," katanya.

Katanya, kemudahan yang dise-

diakan juga perlu dijaga dengan baik untuk faedah diri sendiri dan masyarakat.

Mengenai pembangunan Kampung Baru di ibu kota, beliau berkata, ia banyak bergantung kepada persediaan penduduk terbabit untuk membenarkan pembangunan dilaksanakan.

Katanya, banyak yang perlu diselesaikan terlebih dulu terutama berkaitan pemilihan tanah.